

## **KONSEP KEBAHAGIAAN GURU CEMERLANG WANITA DALAM MENDEPANI CABARAN KERJAYA MASA KINI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

**Zety Azlin Elias**

Universiti Teknologi Malaysia

Emel: [zety.azlin@yahoo.com](mailto:zety.azlin@yahoo.com)

**Zilal Saari, Dr**

Universiti Teknologi Malaysia

Emel: [zilal@utm.my](mailto:zilal@utm.my)

*Corresponding Author's Email: [zety.azlin@yahoo.com](mailto:zety.azlin@yahoo.com)*

### ***Article history:***

*Received* : 15 April 2021

*Accepted* : 28 May 2021

*Published* : 31 October 2021

### **ABSTRAK**

Kebahagiaan merupakan dambaan hidup setiap manusia, namun ia dinilai mengikut kepada persepsi masing-masing berdasarkan latar belakang kehidupan mereka atau keinginan mereka sendiri meliputi keriangian hati, kesenangan, kebanggaan hati dan kegembiraan. Manakala kebahagiaan (*al-Saadah*) menurut Islam pula ialah kehidupan yang baik, merasa puas, dan kedamaian, hidup yang positif. Kajian ini dijalankan ke atas Guru Cemerlang wanita mengenai bagaimana mereka mendepani cabaran kerjaya yang dijalankan pada masa kini dan kesahan data akan dijalankan dengan triangulasi data yang diperolehi dari peserta kajian, ketua jabatan dan rakan sejawatnya. Kerangka konseptual yang digunakan dalam kajian ini adalah Konsep Kebahagiaan al-Ghazali (1991) dan Teori *Subjective Well Being* Diener (2009) bagi menghasilkan indikator kebahagiaan untuk dijadikan panduan. Demografi guru yang akan dikaji adalah mengikut kesesuaian kajian bagi mendapatkan data yang berkaitan. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberi indikator kepada guru cemerlang wanita serta wanita yang lain untuk mendepani cabaran kerjaya dan kehidupan masa kini menurut perspektif Islam.

**Kata kunci:** Kebahagiaan, Guru Cemerlang, Wanita, Kerjaya, Indikator

## ***THE CONCEPT OF HAPPINESS OF EXCELLENT WOMEN TEACHERS IN FACING CURRENT CAREER CHALLENGES ACCORDING TO ISLAMIC PERSPECTIVE***

### **ABSTRACT**

*Happiness is everyone's desire, but it's all measured by people's perception depends on their life background that consist of joy, delighted, proud and cheerful. According to Islam, happiness (al-Saadah) is a life with good, pleased, peace and positive surrounding. This research will be conducted to Excellent Teacher (woman candidate) on how they facing the challenges for being a teacher in this area and validity approach will be used for the data triangulation from the candidate, head of department and their colleague. The concept of happiness from al-Ghazali (1991) and the Theory of Subjective Well Being Diener (2009) will be used as the framework to guide and produce the happiness indicator. The related data for this research are based on the suitability. As conclusion, this research will come out with a new indicator to the Excellent Teacher and other woman to face the career and life challenges nowadays according to Islam perspective.*

**Keywords :** *Happiness, Excellent Teacher, Women, Career, Indicator*

### **PENGENALAN**

Mendepani cabaran masa kini dalam menjalankan tugas seharian sebagai seorang guru merupakan satu cabaran terhadap kerjaya yang mesti dihadapi oleh mereka. Tanggungjawab sebagai seorang guru bukan sekadar menyampaikan ilmu semata-mata, namun mereka perlu memasukkan ilmu dan akhlak yang boleh membentuk diri pelajar menjadi individu yang berketerampilan, beriman, mempunyai emosi, jasmani, rohani dan intelek yang seimbang. Sebagai seorang guru, cabaran tersebut hendaklah selari juga dengan penampilan diri, tingkahlaku, pembawaan nilai sendiri dan pelbagai gambaran yang baik dan menjadi penanda aras untuk membimbing pelajar agar ia meyakinkan masyarakat sekeliling terhadap personaliti guru tersebut. Keperluan kepada kajian mengenai kebahagiaan guru cemerlang wanita ini amat berkait rapat dengan kepentingan memelihara profesionalisme dan kredibiliti guru terhadap tugasnya.

Individu yang bekerja dengan rasa bahagia akan melahirkan perasaan positif, tahu mengendalikan kerjayanya, memberi sepenuh tenaga kepada kerjanya yang akhirnya memberi kepuasan kepada pekerjaannya (Pryce & Jones, 2010). Prestasi kerja yang maksimum akan menghasilkan kepuasan dalam pekerjaan sekiranya seorang pekerja itu mempunyai perasaan positif dan bijak menguruskan pekerjaannya. (Pryce-Jones, 2010; Nor Elee et.al, 2020). Namun begitu, kekangan dan cabaran yang dihadapi oleh guru cemerlang wanita selain dari bebanan tugas, kerenah pelajar, cabaran hubungan dengan

rakan sekerja dan pentadbir, mereka juga menghadapi cabaran bagaimana mencari kebahagiaan agar seiring dengan tugas yang mereka lakukan. Mereka juga perlu menghadapi keadaan yang melibatkan faktor kepentingan keimanan dalam kehidupannya, pemeliharaan akhlak sebagai wanita Muslim dan kepuasan hidup dan kerja sebagai seorang wanita. Hal ini memerlukan kepada satu kajian yang mendalam untuk mengatasi pelbagai masalah dan tekanan mencari kebahagiaan dalam kehidupan hariannya seterusnya cemerlang dalam tugas serta rumah tangga yang dibina.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Diantara cabaran yang dihadapi oleh guru cemerlang wanita adalah beban tugas yang bertambah yang menyebabkan mereka hampir tiada masa untuk bersama keluarga yang akhirnya menimbulkan dilema dalam menjayakan tugasnya. Keadaan ini sering terjadi dalam kalangan guru wanita yang telah berkahwin kerana mereka lebih terdedah untuk mengalami keletihan fizikal dan emosi (*burn out*) (Azira dan Effendi, 2021; Asadi et.al, 2018; Wu, 2020; Yang, 2020). Masa yang sangat terhad bersama keluarga menjadikan mereka merasa tidak bahagia dan tertekan untuk membahagikan masa dengan sebaiknya. Terdapat juga guru cemerlang wanita yang mempunyai jawatan yang tinggi dan memerlukan komitmen yang tinggi sewaktu menjalankan tugasnya, namun mereka amat menitikberatkan urusan rumahtangga dengan rasa tanggungjawab walaupun ianya amat mencabar (Azira dan Effendi, 2021).

Selain daripada itu, terdapat juga kajian yang dilakukan mendapati mereka tidak menampilkan identiti, keperibadian yang baik serta personaliti yang terpuji. Kekuatan dalaman memerlukan kecemerlangan prestasi kerjaya sekiranya ia diuruskan dengan baik kerana ia mempengaruhi kehidupan sosial yang mantap di samping melahirkan guru yang bahagia dengan kehidupan kerjayanya. Ia akan membantu pembentukan insan yang diharapkan mempunyai akhlak yang mulia, beriman, serta cemerlang. Konflik dalaman guru perlu diperbaiki agar apa yang terlahir dari tindakan dan tingkah lakunya menjadi contoh kepada pelajar dan orang di sekelilingnya. Mereka terlibat dengan dunia pendidikan dan merekalah individu yang terlibat secara langsung dengan pembentukan individu muslim agar akhlak, personaliti dan sahsiah yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Islam tercapai (Syafiqah & Tengku Sarina, 2017).

Terdapat juga guru yang menghadapi masalah hubungan yang kurang baik antara rakan sekerja dan pihak pentadbir menyebabkan mereka merasa tidak bahagia sewaktu menjalankan tugas. Kurangnya interaksi sosial, komunikasi dalam hubungan seharian, serta tiada sikap tolong menolong menyebabkan ia boleh menjejaskan kesihatan dan perkembangan emosi turut terganggu (Azira dan Effendi, 2021; Oii dan Aziah, 2015; Sapura, 2010; Nor Elee et.al. 2020). Terdapat dalam kalangan pentadbir yang tidak memahami masalah guru dengan memberi tugas tambahan yang luar dari tugas hakiki yang sepatutnya mereka lakukan. Budaya kerja yang seimbang terutama yang melibatkan emosi, matlamat organisasi, sistem pengurusan yang jelas akan

menyumbang kepada kebahagiaan pada seorang guru (Nor Elee *et.al*, 2020). Kementerian Pendidikan (2018) juga menggalakkan sekolah dan institusi pendidikan supaya meneruskan budaya kebahagiaan, berkasih sayang dan saling menghormati antara rakan sekerja. Oleh itu, kajian ini akan memberi sedikit sumbangan dan indikator yang boleh dijadikan panduan kepada guru cemerlang wanita dalam menempuh suasana kerja yang semakin mencabar di samping tugas peribadi mereka menurut perspektif Islam.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini dijalankan ke atas guru wanita yang mengajar di sekolah menengah dan rendah yang terdapat di daerah Kota Tinggi. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan al-Quran dan Sunnah sebagai panduan sumber utama, Konsep Kebahagiaan al-Ghazali (1999) dan Teori Subjective Well Being Diener (2009) bagi membina elemen kebahagiaan guru wanita. Penganalisan data bagi mendapatkan indikator kebahagiaan guru wanita akan dilakukan bagi mendapatkan maklumat kajian iaitu dapatan dan perbincangan. Instrumen kajian yang digunakan adalah untuk menentukan dan mendapatkan data primer dari sampel kajian bagi mencapai objektif kajian. Indikator adalah pembolehubah, ciri dan ukuran bagi mengukur sesuatu perubahan (Green & Gabor, 2012). Terdapat beberapa prinsip pembinaan indikator yang boleh dijadikan panduan untuk menetapkan sesuatu ukuran atau panduan terhadap sesuatu perkara, dan setiap kajian memerlukan sasaran jangka panjang yang ingin dicapai untuk memperolehnya langkah yang disusun perlulah dapat diukur dan boleh dipantau pelaksanaannya. Oleh itu, pengkaji berharap agar pembinaan indikator yang dirancang akan terlaksana dengan sebaiknya bagi dijadikan panduan kepada guru wanita khususnya dan pada semua guru umumnya.

## **TINJAUAN LITERATUR**

### **Definisi Kebahagiaan**

Definisi kebahagiaan menurut sarjana Islam seperti, Hamka (2015), apabila seseorang itu menjalani kehidupannya berlandaskan agama. Ia disertai dengan keyakinan, keimanan, kepercayaan yang kukuh kepada agama dan ketaatan kepada agama anutannya (Desi, 2019). Menurut Sayyid Qutb (2005) pula, kebahagiaan adalah apabila manusia kembali kepada Allah sehingga ia mendapat ketenangan dalam kehidupannya. Al-Ghazali (1989) menyatakan kebahagiaan seseorang manusia ialah apabila ia mencapai *ma'rifatullah* (mengenal Allah) iaitu ia menghasilkan perasaan kelazatan, ketenangan, kenikmatan iaitu dengan menggunakan seluruh anggota tubuh badannya untuk merasainya. Ia juga merupakan jalan untuk mendapatkan kebahagiaan yang hakiki menuju akhirat kerana dengannya boleh memerangi hawa nafsu dan keinginan atau kehendak yang keterlaluan dalam kehidupan. Kebahagiaan juga adalah keadaan di mana hati dipenuhi dengan keyakinan dan seorang yang

bahagia akan bertindak dengan yakin dalam tindakannya (Zahidah & Raihanah, 2011; Siska & Ami, 2014).

Menurut sarjana barat seperti Seligman (2002), kebahagiaan adalah sesuatu yang subjektif dan sukar diukur, namun begitu ia boleh juga dikatakan sebagai suatu kepuasan kepada masa lalu (*satisfaction about the past*), bersikap optimis kepada masa depan (*optimise about the future*), dan kegembiraan pada masa kini (*happiness about the present*). Kebahagiaan juga merupakan psikologi positif dan merupakan salah satu dari indikator kesejahteraan yang subjektif (*subjective well-being*). Seligman (2002), juga menggariskan aspek-aspek kebahagiaan kepada lima aspek iaitu hubungan positif terhadap orang lain, melibatkan diri dengan sesuatu pekerjaan yang baik, memanfaatkan kehidupan seharian, bersikap optimis dengan setiap yang dilakukan dan berdaya tahan menghadapi sesuatu dalam kehidupan.

### **Definisi Guru Cemerlang**

Ia diperkenalkan di Malaysia oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 1994 yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan guru di Malaysia di samping menaikkan taraf serta martabat profesionalisme keguruan (Jasmi et.al.,2007). Ia juga didefinisikan sebagai 'guru induk' kerana ia berbeza dari guru yang lain (Ibrahim et.al., 2013). Skim ini bertujuan supaya guru cemerlang dapat membantu memberi sumbangan kepada sekolah, terutama dari segi dasar, kurikulum dan kemajuan guru (Awang, 2014). Mereka haruslah menguasai bidang pengkhususan mereka, memiliki kemahiran dan pengetahuan dalam pengurusan bilik darjah dengan cemerlang dan mempunyai keperibadian yang baik, menjadi pendorong kepada peningkatan pendidikan dalam bilik darjah, kemahiran berkomunikasi dan yang utama adalah kemampuan menyumbang untuk negara.

### **Kerangka Teoretikal Dan Konseptual Kajian**

Kerangka teoretikal dalam kajian ini dibina berasaskan gabungan Konsep Kebahagiaan (*al-Saadah*) Al-Ghazali (1991; (Ateerah & Lukman, 2019; Dia Intan Timur, 2018; Muhammad Fauzi, 2019) dan Teori Subjective Well Being Diener (1991, 2018; Miranda & Amna, 2016; Zhongying, 2013) serta asalnya dirujuk dari sumber al-Quran dan al-Sunnah. Konsep Kebahagiaan al-Ghazali (1991) menitikberatkan tentang penyerahan diri kepada Allah S.W.T dengan mengerjakan perintahnya dan meninggalkan larangannya. Terdapat empat sifat yang terkandung di dalamnya iaitu: (i) Kebijaksanaan (*hikmah*) bermaksud akhlak yang mulia akan tercapai dari kebijaksanaan dan menggunakan pengetahuannya dengan berkata yang benar, melakukan perbuatan yang baik, akidah yang benar serta ia tanda kekuatan intelek yang menjadikannya seorang itu mempunyai akhlak yang baik (al-Ghazali, 1964; Hasrul, 2015), (ii) Keberanian (*syaja'ah*) iaitu seseorang yang memiliki sifat bijaksana, sopan, positif, murah hati, besar hati dan bijak mengawal emosi akan membentuk kekuatan dalam diri seperti kesederhanaan, perikemanusiaan, kebijaksanaan dan

sikap sendiri yang baik (al-Ghazali, 1991), (iii) Pemeliharaan diri (*'iffah*) ialah sifat yang diredai Allah S.W.T dan ia boleh memelihara kesucian hati dan menjadikan manusia tabah menghadapi dugaan hidup. dan (iv) Keseimbangan (*'adalah*) merasa stabil, rasa terjamin, tidak takut kepada kehilangan dan menerima hakikat setiap apa yang dialami dalam kehidupannya.

Teori Subjective Well Being Diener (2009) mempunyai dua faktor iaitu kepuasan hidup (*life satisfaction*) dan kebahagiaan (*happiness*). Kepuasan hidup pula terdiri dari keinginan dan keperluan hidup. Ia mencakupi kepuasan domain (*domain satisfaction*) yang berkaitan dengan kekeluargaan, diri sendiri, kewangan, kesihatan, pekerjaan, rakan-rakan dan masa seseorang. Manakala bagi kepuasan pelbagai dimensi (*multidimensional satisfaction*) berkaitan dengan budaya dan cara kehidupan seseorang. Bagi faktor kebahagiaan (*happiness*) ia terdiri dari efek negatif (perasaan yang menganggap hidup ini tidak menyenangkan, tertekan, kekhuatiran, kesedihan, kemarahan, rasa malu, rasa bersalah dan kesepian) dan efek positif (keriangan, kegembiraan, keyakinan, optimis, keceriaan, kehairahan dan kebahagiaan hidup). Al-Quran dan Sunnah merupakan sumber utama kepada kedua-dua faktor kebahagiaan tersebut. Ia melibatkan akhlak, etika dan tingkah laku seorang Muslim yang menjadikan seseorang mempunyai pegangan agama yang mantap. Oleh itu, pembentukan indikator kebahagiaan diharapkan dapat membantu guru untuk mendepani situasi cabaran pekerjaan dan kehidupan mereka menurut perspektif Islam. Ringkasannya adalah seperti Rajah 1 di bawah :



**Rajah 1 :** Kerangka Teoretikal Indikator Kebahagiaan Guru Cemerlang Wanita Di Malaysia Menurut Perspektif Islam



Rajah 2 : Kerangka Konseptual Indikator Kebahagiaan Guru Cemerlang Wanita Di Malaysia Menurut Perspektif Islam

*Sumber :Konsep Kebahagiaan Al-Ghazali (1991), Teori Subjective Well Being Diener (2009)*

Bagi faktor keimanan ia melibatkan sikap bijak mengawal nafsu, toleransi, bijaksana, ketakwaan, ketenangan jiwa dan sabar. Bagi faktor akhlak pula ialah guru wanita perlu mempunyai ilmu pengetahuan, amalan ketuhanan (akidah), kesempurnaan intelek dan kesempurnaan rohani. Sikap yang perlu ada bagi guru wanita berkaitan dengan kepuasan pula ialah keceriaan, kesihatan, budaya hidup, optimis dan keyakinan. Kesemua sikap yang disenaraikan boleh dijadikan panduan bagi pengukuhan keimanan pada diri guru wanita bagi pembentukan jiwa yang mapan dan berlandaskan Islam. Oleh itu, penekanan kepada konsep keimanan, pembentukan akhlak dan kepuasan kerja merupakan panduan kepada guru cemerlang wanita dalam mendepani pelbagai situasi kerjaya mereka agar kebahagiaan akan diperolehi sewaktu melaksanakan tugas mereka.

## KONSEP KEIMANAN DALAM KERJAYA SEORANG WANITA

Menurut ajaran Islam, keimanan merupakan asas dan tunjang yang menjadi teras hidup seorang manusia Muslim. Sebagai seorang guru cemerlang yang menghadapi pelbagai bebanan kerja dan masalah dalam kerjayanya mestilah mempunyai keimanan yang kukuh agar ia dapat melalui dan menghadapinya dengan keyakinan yang tidak berbelah bagi terhadap kebaikan yang ada dalam agamanya. Seseorang yang melakukan kebaikan contohnya seperti melakukan kerja mendidik pelajar, melakukan tuntutan fardu kifayah dalam kehidupan, menyampaikan ilmu dan semua perkara yang baik dengan tulus dan ikhlas kerana Allah, mereka akan diberi ganjaran pahala yang amat besar dari Allah S.W.T. Ini menunjukkan dengan jelas bahawa, setiap amal ibadah akan ada cabaran di sampingnya. Jadi, hanya dengan kebijaksanaan akal fikiran, bijak

mengawal nafsu, sikap toleransi, ketakwaan yang mantap, ketenangan jiwa serta sifat sabar akan melahirkan rasa bahagia dalam diri guru cemerlang wanita. Guru cemerlang wanita akan menjadi lebih cemerlang sekiranya mengetahui bahawa Allah S.W.T bersama-sama dalam menghadapi setiap cabaran pekerjaan asalkan mereka yakin bahawa Allah S.W.T sentiasa memberi pertolongan di samping mereka memelihara syariat Islam. Oleh itu, keadaan tekanan yang menggugat kebahagiaan guru cemerlang wanita perlu dikenal pasti agar ada strategi yang bersesuaian boleh dirangka untuk mengatasinya. Program yang berkesan juga boleh disusun untuk memastikan agar keadaan ini tidak berpanjangan dan mempengaruhi kebahagiaan guru cemerlang wanita di Malaysia. Dalam kajian ini, terdapat langkah-langkah yang akan digariskan untuk dijadikan panduan kepada guru cemerlang wanita, bagaimana mereka boleh menjalankan tugas harian mereka berlandaskan Islam dengan memahami dalil-dalil dari al-Quran dan Sunnah agar setiap beban tugas yang dihadapi dapat dilalui dengan baik dan teratur. Di samping itu juga, diharapkan agar guru cemerlang wanita ini akan mempunyai sifat personal, interpersonal, profesional dan pengurusan diri serta organisasi yang cemerlang juga ke arah kebahagiaan hidup.

Dalil berkaitan dengan keimanan dalam diri seseorang dalam Surah al-Nahl 16:97:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً  
وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُم بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Terjemahan : *“Barangsiapa yang mengerjakan amal salih, baik laki-laki mahupun perempuan dalam keadaan beriman, maka sesungguhnya akan Kami berikan kepadanya kehidupan yang baik dan sesungguhnya akan Kami beri balasan kepada mereka dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan”.*

Ayat al-Quran di atas menerangkan mengenai bagaimana seorang hamba Allah S.W.T itu akan diberi kehidupan yang baik seandainya mereka mengerjakan amal soleh seperti yang diperintahkan oleh penciptanya. Allah S.W.T akan memberi ganjaran dan kebaikan mengikut apa yang dikehendaki kerana Allah S.W.T amat berkuasa ke atas tiap sesuatu. Jadi tugas manusia adalah mematuhi perintahnya dan meninggalkan larangannya kerana tidak akan terlepas walau sedikit amal kebaikan dan sebaliknya untuk diambil kira oleh Allah S.W.T.

Hadis Sahih Riwayat Tirmizi No.2609 yang bermaksud :

*“ Dari Abu Umamah Al Bahili RA ia berkata: Dua orang disebutkan di sisi Rasulullah S.A.W, salah seorang adalah ahli ibadah dan seorang yang berilmu, kemudian Rasulullah S.A.W*



*bersabda: Keutamaan seorang alim dari seorang abid seperti keutamaanku dari orang yang paling rendah di antara kalian. Kemudian Baginda melanjutkan sabdanya. Sesungguhnya Allah, MalaikatNya serta penduduk langit dan bumi bahkan semut yang ada di dalam sarangnya sampai ikan paus di lautan, akan mendoakan untuk orang yang mengajarkan kebaikan kepada manusia”.*

Hadis ini bermaksud, kedudukan orang berilmu yang beramal adalah lebih utama daripada seorang ahli ibadah. Manakala guru yang memiliki ilmu, mengajar dan membimbing orang lain untuk menjadi insan yang soleh dan bertakwa, semua makhluk di langit, di bumi dan di air akan mendoakan kebaikan untuknya. Oleh itu, kepada guru cemerlang wanita yang mungkin dalam keadaan mengalami tekanan, kemurungan, *stress* dan sebagainya, lihatlah kebaikan memberi dan berkongsi ilmu yang Allah S.W.T berikan kepada mereka. Setiap kebaikan yang diberikan oleh Allah S.W.T andai diperhalusi akan melahirkan rasa bahagia dalam diri manusia seterusnya menjadi pembakar semangat mereka untuk bekerja lebih cemerlang lagi.

## **KEPENTINGAN AKHLAK DALAM MEMBENTUK PERIBADI WANITA CEMERLANG**

Selain dari keimanan yang kukuh dalam diri guru cemerlang wanita, mereka juga hendaklah mempunyai akhlak yang baik dan cemerlang selari dengan kewibawaan mereka yang telah diiktiraf cemerlang dalam tugasannya. Setiap langkah dan tindakan yang dilakukan hendaklah melambangkan ciri-ciri akhlak yang mulia yang boleh menjadi ikutan kepada pelajar khususnya dan kepada masyarakat sekelilingnya. Mereka perlulah mempunyai ilmu pengetahuan tentang bagaimana untuk menunjukkan akhlak yang baik, mengamalkan amalan ketuhanan (akidah) yang sebaiknya, mempunyai kesempurnaan intelek serta kesempurnaan rohani yang membentuk jiwa sewaktu menghadapi pelbagai cabaran dalam menjalankan tugas dan kehidupan harian. Tidak dinafikan, bebanan yang mereka hadapi sedikit sebanyak menggugat kebahagiaan sendiri yang ingin dikecapi, namun ia hendaklah dihadapi dengan kaedah intelek dan rohani yang berlandaskan Islam agar tidak terpesong dari kehendak dan keinginan yang tidak dibenarkan. Allah S.W.T mengingatkan agar manusia bersabar dengan pelbagai kerenah manusia sebagaimana yang dialami oleh guru cemerlang wanita dalam menjalani urusan pekerjaannya. Sifat sabar yang ada dalam diri guru cemerlang wanita akan diberi ganjaran pahala oleh Allah, kerana dengan dugaan dan beban tugas yang dihadapi akan menjadikan mereka seorang yang kuat dan tabah mencari kebahagiaan dalam hidupnya berlandaskan perspektif Islam. Namun begitu, apabila kebanyakan wanita melibatkan diri dalam bidang pekerjaan, ini menyebabkan sebilangan mereka mengundang pelbagai konflik dalam persekitaran dan rumahtangga. Ia merupakan cabaran apabila ada wanita mengabaikan tanggungjawab terhadap keluarga demi kepentingan kerjayanya. Keadaan ini boleh menimbulkan krisis

dalam pengurusan rumahtangga (Bakeri, 2011). Namun begitu, kebahagiaan seorang wanita adalah apabila mempunyai panduan bagaimana untuk menghadapi sesuatu krisis dalam kehidupannya serta bagaimana untuk memelihara akhlakunya.

Firman Allah S.W.T dalam surah al-Fath 48: 4 :

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِ الْمُؤْمِنِينَ لِيَرُدَّادُوا إِيْمَانًا مَعَ إِيْمَانِهِمْ  
وَلِلَّهِ جُنُودُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَكَانَ اللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا

Terjemahan : *“...Dialah yang telah menurunkan ketenangan ke dalam hati orang-orang mukmin supaya keimanan mereka bertambah di samping keimanan mereka (yang telah ada). Dan kepunyaan Allah-lah tentera langit dan bumi dan adalah Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana”.*

Ayat di atas Allah menjanjikan ketenangan ke dalam hati setiap manusia selagi dia beriman kepada Allah. Manusia hendaklah yakin dengan kekuasaan Allah yang Maha Mengetahui setiap sesuatu yang dilakukan oleh manusia. Keimanan mereka akan bertambah sekiranya mereka meyakini bahawa Allah S.W.T yang memberikan kebaikan kepada hamba-Nya yang dikehendaki dengan syarat manusia itu sentiasa beriman serta mempercayai tentang keluasan kekuasaan Allah. Ia memberi kesan yang amat baik terhadap akhlak dan tindakan dalam kehidupan seharian mereka. Berdasarkan ayat tersebut membuktikan bahawa Allah berjanji akan memberikan ketenangan hati ke dalam diri manusia sekiranya mereka terus beriman kepada Allah S.W.T. Apabila kita merujuk kepada al-Quran dan Sunnah bagi menentukan indikator kebahagiaan, ia merupakan sesuatu yang tepat kerana ia mempunyai dalil dan keterangan yang menjelaskan tentang sesuatu hujah dan sudah pasti ia tidak diragui (Sofia & Sari, 2018).

Manakala dalam Hadis Sahih Riwayat Ahmad No.7354 yang bermaksud :

*“Daripada Abu Hurairah RA, dia berkata: Rasulullah S.A.W bersabda: “ Orang-orang Mukmin yang paling sempurna imannya adalah yang paling baik akhlaknya, dan yang terbaik di antara mereka adalah yang terbaik terhadap isteri-isterinya”.*

Di dalam hadis tersebut menerangkan mengenai akhlak adalah ukuran keimanan seseorang. Akhlak yang terpuji adalah dengan saling berkasih sayang, bersifat kasih sayang sesama insan, tidak menghina, suka mengenakan tohmah ke atas orang lain dan mengadu domba kerana ia berkait rapat dengan keimanan seseorang. Selain daripada itu, sebagai seorang mukmin yang baik, kita hendaklah menghiasi diri dengan akhlak yang mulia terhadap diri, keluarga, masyarakat, negara dan alam kerana orang yang berakhlak dalam kehidupan adalah orang Mukmin yang paling sempurna.

## KEPUASAN HIDUP BAGI WANITA BERKERJAYA

Faktor keimanan dan akhlak merupakan perkara yang mesti dijaga dan dipatuhi oleh guru cemerlang wanita. Kepuasan kerja dalam hidup seorang guru juga amat penting agar pekerjaan yang dilakukan memberi kebahagiaan pada diri mereka. Kepuasan dan kebahagiaan akan tercapai sekiranya mereka merasa ceria dengan apa yang dilakukan, merasa sihat tubuh badan dan mental, dapat memelihara budaya hidup yang cemerlang dan gembira, bersikap optimis dan penuh keyakinan melalui hari-harinya walau apa pun dugaan yang dilalui. Kepuasan hidup sebenar dalam diri seorang manusia Muslim adalah apabila ia mengabdikan diri kepada Allah S.W.T dengan keimanan yang kukuh, keikhlasan hati serta melakukan apa yang diperintahkan oleh Allah S.W.T dan meninggalkan apa yang dilarang oleh-Nya. Aspek kerohanian amat mempengaruhi kehidupan seseorang manusia. Ini adalah kerana, apabila kerohanian manusia itu tinggi, ia akan merangsang jiwanya untuk melakukan perbuatan yang baik dan dengannya akan memberi kepuasan kepadanya. Sebagai seorang guru cemerlang wanita, kepuasan kerja dan hidup yang dilalui pasti dipengaruhi oleh apa yang dihadapi dalam kehidupan sehariannya. Namun begitu, sebagai seorang yang memiliki akal dan kemampuan fikiran serta asas agama yang kukuh, sudah pasti mereka memerlukan panduan yang boleh menjadi penambah baik kepada tahap kepuasan kerja yang diharapkan.

Firman Allah S.W.T dalam surah Ibrahim 14: 7 :

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Terjemahan : *Dan (ingatlah juga), tatkala Tuhanmu memaklumkan; "Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), maka sesungguhnya azab-Ku sangat pedih".*

Dalam ayat ini, Allah S.W.T menegaskan bahawa sekiranya seseorang itu bersyukur kepada-Nya, nescaya Ia akan menambah lebih banyak nikmat yang telah diberikannya sebelum ini, tetapi sekiranya ia mengingkarinya maka Allah akan memberikan balasan yang amat pedih untuk ditanggung oleh manusia. Oleh itu, sebagai seorang guru wanita yang telah diberi nikmat kesihatan tubuh badan, rezeki, keluarga, sahabat, kerjaya dan sebagainya, sewajarnya mereka bersikap optimis dan bersyukur atas nikmat tersebut. Apabila mereka menggantungkan kesyukuran pada Allah S.W.T, sudah pasti ia akan diberi juga nikmat kebahagiaan yang diimpikan.

Hadis Sahih Riwayat Muslim No.1746 yang bermaksud :

*Daripada Abdullah bin Amr bin al'Ash, Rasulullah S.A.W bersabda : " Sesungguhnya sangat beruntung orang yang telah masuk Islam, diberikan rezeki yang cukup dan Allah*

*menjadikannya merasa puas (kanaah) dengan apa yang diberikan kepadanya”.*

Hadis tersebut menyatakan, kepuasan hidup itu ialah apabila seseorang itu merasa cukup (*kanaah*) dengan rezeki dan apa jua yang diberikan kepadanya. Kepuasan itu akan melahirkan keceriaan, kesihatan yang baik serta kebahagiaan dalam kehidupan seorang guru wanita seandainya ia mengetahui bahawa sebagai seorang Islam mereka hendaklah meletakkan keyakinan dan pergantungan mereka hanya kepada Allah S.W.T.

## **KEPERLUAN UNTUK MENCAPAI KEBAHAGIAAN DALAM KALANGAN GURU CEMERLANG WANITA**

Secara umumnya kesihatan mental atau keperluan untuk mendapat kebahagiaan adalah merupakan sesuatu yang penting dalam mendepani cabaran kerjaya guru cemerlang wanita di Malaysia. Mereka sudah pasti berhadapan dengan cabaran yang sangat menguji mental, fizikal dan spiritual di mana mereka harus melaksanakan tugas mereka di sekolah mendidik, mengajar, membimbing dan menyampaikan ilmu dalam diri dan jiwa pelajar agar matlamat pendidikan tercapai. Di samping itu juga, mereka perlu melaksanakan tuntutan tugas yang ditetapkan oleh pihak yang berkenaan seperti Kementerian Pelajaran Malaysia, ketua jabatan dan mereka yang terlibat menggubal dasar dan pelaksanaan sesuatu arahan. Bebanan tugas yang dihadapi memerlukan kebijaksanaan mereka untuk melaluinya dan melaksanakannya. Bagi guru cemerlang wanita yang telah berkahwin tidak kurang juga cabarannya kerana mereka perlu membahagikan masa dengan bijak agar setiap tugas yang menjadi tanggungjawabnya dilaksanakan. Keadaan, depresi, gelisah, tertekan, terbeban dan pelbagai istilah yang menggambarkan perasaan tidak bahagia dalam diri mereka hendaklah diatasi dengan kembali kepada fitrah manusia yang mempunyai agama dan Tuhan untuk mereka meminta pertolongan. Kekuatan dalaman perlu kuat agar mereka tabah dan sabar untuk melaluinya. Keperluan untuk memahami setiap bidang tugas mereka di sekolah mahupun di rumah merupakan sesuatu yang sangat ditekankan di samping amalan-amalan spiritual mereka agar semua kekusutan atau masalah yang dihadapi dapat dihadapi dengan tenang dan teratur. Di samping itu juga, kecintaan mereka kepada tugas yang sedang mereka laksanakan adalah perkara utama yang mesti diambil kira kerana mereka pasti akan memberi yang terbaik agar dapat meningkatkan produktiviti, kepuasan dalam melaksanakan tugas mendidik dan urusan rumahtangga serta kejayaan mereka dalam kerjaya di mana dengan kelebihan tersebut menjadikan mereka berkongsi kebaikan tersebut dengan pendidik dan manusia yang lain.

Selain daripada itu, aspek spiritual yang menyumbang kepada kebahagiaan adalah konsep ikhlas, *barakah*, reda, menerima ketentuan Allah S.W.T dengan sepenuh hati, seperti takdir, ujian, *muhasabah*, *muraqabah* dan selalu bersyukur kepada Allah. Semua perkara tersebut membolehkan manusia mencapai kebahagiaan andai mereka mengetahui bahawa kebahagiaan itu

adalah anugerah dari Allah S.W.T di dunia dan akhirat (Nurul Atika et.al., 2020). Oleh itu, seorang guru cemerlang wanita hendaklah berfikiran terbuka menjalani kehidupan hariannya di samping tugas hakiki yang dilakukan agar konsep kebahagiaan difahami. Walau di dalam situasi apa pun, diharapkan mereka berlapang dada untuk melaluinya dengan hati yang tabah dan sabar. Kekuatan dalaman amat perlu untuk membantu mereka menghadapinya dengan meyakini bahawa Allah S.W.T itu akan memberi pertolongan kepada mereka selagi mereka beriman kepada qada' dan qadar Allah S.W.T atas apa yang terjadi. Kebahagiaan (sa'adah atau happiness) ialah merujuk kepada keyakinan diri terhadap hak Allah yang dilaksanakan dengan kekuatan batin, yang melibatkan hati serta keyakinan (iman) dan berkelakuan sesuai dengan keyakinan tersebut.

## KESIMPULAN

Bagi melahirkan generasi guru cemerlang wanita yang banyak membantu kemajuan pendidikan di negara ini, pelbagai langkah perlu diatur agar ia boleh dijadikan panduan kepada mereka untuk melaksanakan tugasnya dengan lebih cemerlang. Pergantungan mereka kepada Allah S.W.T hendaklah diperkukuhkan agar mereka mempunyai panduan yang tidak diragui dan amat berkesan. Di samping itu juga, aspek keimanan, pemeliharaan akhlak yang baik dan faktor kepuasan ketika melaksanakan tugas mereka hendaklah dititikberatkan agar ia tidak terpesong dari landasan yang benar dan sepatutnya. Kekuatan dalaman dan aspek spiritual juga hendaklah dijaga kerana cabaran menghadapi tekanan boleh membawa kepada pelbagai kesan yang tidak baik. Guru cemerlang wanita juga hendaklah memelihara tingkah lakunya, akhlak, maruahnyanya, emosi, kesihatan, cara mengawal tekanan dan pelbagai perkara agar ia menjadi guru wanita yang terus cemerlang dalam kerjaya dan rumahtangganya.

Al-Ghazali menyatakan seorang yang ingin mencapai kebahagiaan hendaklah berusaha ke arah itu, dengan mencari keredaan Allah, *zuhud* melakukan ibadahnya dan merasa 'cinta' untuk terus melakukan ibadah. Perlu diketahui, perkataan '*Islam*' itu sendiri menunjukkan maksud kesejahteraan dan kebahagiaan dalam kehidupan yang memimpin manusia kepada kesejahteraan kehidupan (Khairudin, 2017). Namun begitu, kebahagiaan adalah milik Allah S.W.T, kita sebagai hambaNya kita hanya boleh mencari dan menikmatinya, tetapi atas ihsan Allah S.W.T untuk memberinya (Hud 11: 10; al-An'am 6:54).

## RUJUKAN

- Al-Asadi, J., Khalaf, S., Al-Waaly, A., Abed, A. & Shami, S. (2018). *Burnout among primary school teachers in Iraq: Prevalence and risk factors*. Eastern Mediterranean Health Journal, 24(3): 262–268.
- Al-Ghazali (1989). *Mizan al-'Amal. Bab Ghayat al-Saadah Wa Maratibuha*. Beirut: Dar-al-Kutub al-'Ilmiyah, hlmn 104.

- Ateerah, A. ., & Lukman, Z. . (2019). *Happiness Instrument Development*. International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS), III(IV), 288–292
- Dia Intan Timur. (2018). *Kebahagiaan Dalam Konsep Moral Sigmund Freud dan Imam Al-Ghazali*. In Journal of Materials Processing Technology (Vol. 1, Issue 1).
- Diener E., Seligman M (2015). *Very Happy People: Psychological Science* V.13, p.81-84.
- Diener, E. (1984). *Subjective well-being*. Psychological Bulletin, 95, 542-575.
- Diener, E., Suh, E.M., Lucas, R.E. and Smith, H.L. (1999). *Subjective well-being: Three decades of progress*. Psychological Bulletin, 125, 276-302
- Hamka, Tasawuf Modern (Jakarta: Republika, 2015), hal. 51
- HU Zhongying (2013). *Research and Analysis on the Teachers' Happiness*. Research Journal of Applied Sciences, Engineering and Technology 6(10): 1720-1725, 2013 ISSN: 2040-7459; e-ISSN: 2040-7467
- Jasmi, Azmi Kamarul. 2017. *Guru Cemerlang di Malaysia dlm. Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Jasmi, Kamarul Azmi [ed.]). Edisi Kedua. Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam dan Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [AIES] (Malaysia), p. 56-59. ISBN: 978-967-0194-92-9.
- Miranda, N., & Amna, Z. (2016). *Perbedaan Subjective Well-Being Pada Dewasa Awal Ditinjau Dari Status Pernikahan Di Kota Banda Aceh*. Original Article Jurnal Ilmiah Mahasiswa Psikologi, 1(3), 34–43.
- Muhammad Fauzi (2019). *Filsafat Kebahagiaan Menurut Al-Ghazali*. Program Studi Aqidah dan Filsafat Islam. Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta.
- Nor Elee Ahmed, Hassan Hushin, M. M. (2020). *Kebahagiaan di Tempat Kerja dan Hubungannya Terhadap Motivasi Kerja Guru Sekolah Rendah di Daerah Pasir Gudang*. 2(2014), 35–39.
- Nurul Atika Mohd Rosli, Hidayu Suhaimi, Zilal Saari, Siti Rokiah Siwok, Adibah Abdul Latif, Mohd Nasir Masroom, Sharifah Kamilah Syed Yusof, Nooraini Othman (2020). *Happiness in Islamic Perspectives among Multi Tasking Women in Malaysia*. UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies. vol. 6, no.3-2 (2020) pp. 125- 137
- Sapora Sipon (2010). *Stres Kerja Guru-Punca, Kesan dan Strategi Daya Tindak*. Prosiding Seminar Profesional Perguruan.
- Siska Wulandari dan Ami Widyastuti (2014). *Faktor-faktor Kebahagiaan Di Tempat Kerja*. Jurnal Psikologi, Volume 10 Nomor 1, Juni 2014. Fakultas Psikologi Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim, Riau.
- Syafiqah Solehah Ahmad dan Tengku Sarina Aini Tengku Kasim (2017). *Permasalahan dan Cabaran Guru Pendidikan Islam (GPI) Dalam Membentuk Personaliti dan Akhlak Pelajar: Suatu Analisis Secara Kritis*. Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Ooi Chew Hong dan Aziah Ismail (2015). *Sokongan Pihak Pengurusan Sekolah Terhadap Tekanan Kerja Guru Di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina*. Jurnal Kepimpinan Pendidikan. April 2015, Bil.2 Isu 2. ,Universiti Sains Malaysia.
- Wu, H., Qiu, S., Dooley, L.M. & Ma, C. (2020). The Relationship Between Challenge and Hindrance Sstressors and Emotional Exhaustion: The Moderating Role of Perceived Servant Leadership. *International Journal of Environmental Research and Public Health*,17(1), 282. <https://doi.org/10.3390/ijerph17010282>.
- Yang, X. (2020). Correlation Between Mental Health, Work Pressure And Job Burnout of Music Teachers. *Revista Argentina de Clinica Psicologica*,29(2),542–P4BK.pdf
- Zahidah & Raihanah (2011). *The Model of Wellbeing In Family Life From Islami Perspective*. *Jurnal Fiqh*, 8, 25-44.